

Kami (yakni al-Inarah) ringkaskan di sini berkenaan perbezaan pandangan ulama' dalam isu ini seperti berikut:

## PERTAMA: SAH

Hukumnya sah (puasa) dan berlaku kepada kedua-duanya, iaitu (puasa) qadha' dan (puasa) sunat. Inilah pendapat:

- Imam Ibn Hajar al-Haitami
- Syeikh al-Ramli
- Imam al-Barizi
- Syeikh Zakaria al-Ansari



**Inilah juga pendapat kebanyakan ulama terkemudian (muta'akhirin).**

## KEDUA: TIDAK SAH

Tidak sah (puasa dengan gabungkan dua niat puasa untuk hanya satu puasa sahaja) tetapi terhasil (kepada) yang fardhu sahaja iaitu puasa qadha', dan tidak (sah) kepada puasa sunat Syawal.

- Imam al-Asnawi
- Syeikh Ibn al-Solah
- Abu Makhrumah



**Hujah mereka adalah tidak boleh tasyrik, yakni menggabungkan dua jenis ibadah dalam satu ibadah.**



**Kami (yakni al-Inarah)** lebih cenderung kepada pendapat yang membolehkannya (yakni boleh menggabungkan kedua-dua jenis puasa).

Ini kerana ia merupakan jenis ibadah yang sama tetapi dengan dua niat. Ini juga pendapat sebahagian ulama berdasarkan pengamatan kepada beberapa nas.

## LEBIH AFDAL MEMISAHKAN

Walaupun begitu, yang terbaiknya adalah memisahkan antara qadha' puasa dengan puasa enam Syawal untuk keluar daripada khilaf.

Imam Ibn Hajar menggunakan bahasa dengan katanya, terhasil asal pahala tetapi bukan dalam bentuk sempurnanya jika ia berniat untuk kedua-duanya (niat qadha Ramadan dan sunat Syawal).

## KESIMPULAN

Menggabungkan puasa qadha Ramadan dengan puasa enam Syawal **dibolehkan menurut sebahagian ulama, namun yang lebih afdhal ialah memisahkan kedua-duanya** supaya mendapat pahala yang lebih sempurna dan keluar daripada khilaf ulama.

## SUMBER

Al-Inarah #1041: Gabung Puasa Qadha Dan Puasa Enam Syawal